

# Lawatan Sambil Belajar ke Desa Cattle (S) Sdn. Bhd.

Mohd. Nazri Abdul Rahman dan PMSSMP

Exco Hubungan Luar Dan Diplomatik, PMSSMP 2012/2013 telah menganjurkan Program Lawatan Sambil Belajar ke Desa Cattle (S) Sdn. Bhd. dan kawasan di sekitar Pekan Kundasang dan Ranau yang dijalankan pada 5 dan 6 Oktober 2013 iaitu selama dua hari satu malam. Seramai 36 orang pelajar pra-siswazah telah menyertai program ini.

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para siswa/i SSMP mengenai proses pengeluaran dan pengurusan kualiti makanan dengan penekanan dalam aspek Sains Tenusu. Di samping itu, aktiviti ini dapat membina hubungan baik antara SSMP dengan sektor industri makanan sekitar Sabah. Program ini juga dapat membuka mata siswa/i SSMP sebagai lokasi pilihan untuk latihan industri mahupun peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Ketibaan para peserta di Desa Cattle (S) Sdn. Bhd. telah disambut Pengurus Eksekutif (QA) Encik Ridzuan Yusuf. Satu sesi taklimat mengenai syarikat Desa Cattle (S) Sdn. Bhd., operasi-operasi yang dijalankan dalam pemprosesan susu, pengenalan kepada cara penternakan lembu serta kambing di ladang Desa Cattle Sdn. Bhd., jenis lembu dan kambing yang digunakan dalam memperolehi bekalan susu, keluasan tanah bagi keseluruhan Desa Cattle Sdn. Bhd. dan lain-lain telah disampaikan oleh En. Ridzuan. Para peserta telah dibawa melawat sekitar Desa Cattle (S) Sdn. Bhd. dan melihat proses pemerahan susu.

Para peserta telah menginap di Kundasang Inn yang terletak di Pekan Kundasang. Pada sebelah malam, para peserta



disajikan dengan aktiviti ice breaking dan permainan *The Killer Game*, *Ice Breaking Drawing Game* serta Helang dan Anak Ayam. Di antara tempat-tempat lain yang dilawati sepanjang program ini ialah Jambatan Tamparuli, *Kinabalu Park*, Pekan Kundasang, Pekan Ranau, *Poring Hot Springs*, dan *Kundasang War Memorial*.

Exco bertugas dan para peserta mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Hj Mariam Abdul Latif dan suami Encik Kamaruddin, Dr. Mohd. Rosni bin Sulaiman dan Encik Ridzuan Yusuf di atas bimbingan dan kerjasama yang diberikan.